

UTUSAN MALAYSIA
30 JANUARI 2018 (SELASA)
(muka hadapan)





SHAMSUL ANUAR NASARAH bersama Mariany Mohammad Yit, Dr. Toh Kian Kok (kiri) dan Wan Ahmad Wan Yusoff (dua dari kanan) semasa majlis Pengumuman Dividen Skim Simpanan Pendidikan Nasional 1 Malaysia (SSPN1M) 2017 sebanyak empat peratus di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD NOOR MAT AMIN

Kadar 4% bagi dua skim SSPN1M-i, SSPN1M-i Plus tahun 2017

PTPTN umum dividen

Oleh FAZRINA AYU RADUIAN

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 JAN.

PERBADANAN Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengumumkan kadar dividen sebanyak empat peratus untuk dua Skim Simpanan Pendidikan Nasional 1Malaysia (SSPN1M) iaitu SSPN1M-i dan SSPN1M-i Plus bagi tahun 2017.

Pengerusi PTPTN, Datuk Dr. Shamsul Anuar Nasarah berkata, kadar tersebut adalah berdasarkan pulangan bersih pelaburan lebih 3.2 juta pendedeposit melibatkan anggaran peruntukan sebanyak RM92.56 juta.

"Kita berharap pemberian dividen yang kompetitif ini akan menjadikan SSPN1M lebih berdaya saing dan menarik lebih banyak pembukaan akaun baharu serta penambahan deposit," katanya dalam majlis Pengumuman Dividen SSPN1M bagi tahun 2017 di sini hari ini.

Yang turut hadir, dua Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN iaitu Datuk Mariany Mohammad Yit dan Prof. Madya Datuk Dr. Toh Kian Kok serta Ketua Eksekutif PTPTN, Wan Ahmad Wan Yusoff.



Pada tahun lalu, PTPTN telah berjaya melepasi sasaran deposit sebanyak RM727.40 juta dengan 447,039 akaun baharu."

SHAMSUL ANUAR NASARAH
Pengerusi PTPTN

Sementara itu, Shamsul berkata, PTPTN turut menasarakkan sejumlah RM600 juta deposit dengan bilangan akaun baharu sebanyak 350,000 bagi simpanan dua skim tersebut bagi tahun ini.

Katanya lagi, pada tahun lalu, PTPTN telah berjaya melepasi sasaran deposit sebanyak RM727.40 juta dengan 447,039 akaun baharu.

"Peningkatan sebanyak 33.59 peratus berbanding tahun 2016 menunjukkan rakyat Malaysia telah sedar akan kepentingan menabung untuk pendidikan tinggi.

"Ini memberi petunjuk bahawa masyarakat telah membuat persediaan awal untuk pendidikan anak-anak pada masa akan datang sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman un-

tuk pendidikan tinggi," katanya

Selain itu, beliau berkata, pendedeposit bukan sahaja menikmati kadar dividen setiap tahun malah skim simpanan itu turut menyediakan kepelbagaian keistimewaan lain seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan.

"Ibu bapa akan diberikan pelepasan taksiran cukai pendapatan sebanyak RM6,000. Dengan pelepasan ini dan juga kadar dividen yang diberikan, pendedeposit mendapat keuntungan sehingga 28 peratus," katanya.

Dalam pada itu, Shamsul Anuar berkata, kerajaan menerusi Bajet 2018 melalui PTPTN akan memberikan insentif khas geran sepadan iaitu deposit percuma bernilai RM500 terhad kepada 500,000 akaun terawal.

"Sejak Januari lalu sehingga kini, sebanyak 41,900 akaun baharu telah dibuka juga layak untuk menerima insentif khas tersebut.

"Bermula Januari ini juga, insentif itu akan diberikan bagi simpanan terkumpul sehingga RM500 dalam akaun baharu mahupun penambahan deposit dalam akaun sedia ada dalam mana-mana skim simpanan kepada warganegara Malaysia berumur tujuh sehingga 12 tahun," katanya.